# LAMPIRAN

# LAMPIRAN BERGAMBAR




GAMBAR 1 : Peta Terengganu (Lokasi Kajian)



GAMBAR 2 : Batu Bersurat (Bukti kedatangan Islam ke Terengganu)



GAMBAR 3 : Penemuan batu bersurat di Kg. Teresat (Ilustrasi)



GAMBAR 4 : Muara sungai Terengganu (awal 1930 M)




GAMBAR 5 : Peralatan nobat



GAMBAR 6 : Sekumpulan pemain nobat dengan alatan nobat



GAMBAR 7 : Pemain- pemain nobat di hadapan istana(1940 M)



GAMBAR 8 : Persembahan nobat yang diadakan di luar istana



GAMBAR 9 : Para penari berbaris sebelum tarian di mulakan (Tarian Pulai)



GAMBAR 10 : Para penari sedang mengelilingi pulai yang berada di tengah- tengah gelanggang (Tarian Pulai)



GAMBAR 11 : Contoh ancak (sesaji) yang dibuang ke dalam sungai (Tarian Pulai)



GAMBAR 12 : Dupa dan mayang pinang ( peralatan ulit mayang)



GAMBAR 13 : Kedatangan para puteri dari kayangan disambut oleh peduan dengan menggegarkan mayang (Ulit Mayang)



GAMBAR 14 : Pesakit sedang diubati dengan menggunakan mayang oleh peduan (Ulit Mayang )



GAMBAR 15 : Sejenis tarian yang hanya disertai oleh golongan lelaki



GAMBAR 16 : Penulis sedang menemu ramah penyair J.M. Aziz di rumahnya



GAMBAR 17 : Sejenis alatan muzik lama (kompang)



GAMBAR 18 : Sepasang gong kecil



GAMBAR 19 : Sejenis gendang lama (Anggik Keranting )



GAMBAR 20 : Sejenis gong



GAMBAR 21 : Serunai (tanduk)



GAMBAR 22 : Sejenis alat berpetik

اكاديمية الدراسات الإسلامية
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
*Academy of Islamic Studies*

...I MALAYA
...03 Kuala Lumpur
MALAYSIA

...lan Pengarah
...jian Syariah)
...: (603)-769 6022

...ariah & Ekonomi
...: (603)-769 6006

...atan Fiqh & Usul
...: (603)-769 6011

...Undang-undang
...: (603)-769 6003

...h & Pengurusan
...: (603)-769 6013

...asah Syar'iyyah
...: (603)-769 6005

...an Pengarah
...Usuluddin)
...(603)-769 6025

...ran & Al-Hadith
...(603)-769 6010

...emikiran Islam
...(603)-769 6014

...Tamadun Islam
...(603)-769 6008

...bangunan Insan
...(603)-769 6009

...an Pengarah
...an Bersama)
...(603)-769 6030

29 April 2000

Saudara Khairul Azhar bin Mohamad

Saudara,

**Kelulusan Tajuk Disertasi Sarjana Usuluddin Secara Berkursus dan Disertasi Sesi 1999/2000**

Berhubung dengan perkara di atas dimaklumkan bahawa mesyuarat Jawatankuasa Akademik, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 13.4.2000 telah meluluskan tajuk disertasi saudara Khairul Azhar bin Mohamad

**Tajuk:** **Kesenian Melayu di Terengganu: Suatu Kajian dari Perspektif Islam**

**Penyelia:** **Dr Ali Mohamad**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

NB

(NOOR BAITI BINTI YAHYA)
Penolong Pendaftar
Ijazah Tinggi & Pentadbiran
Akademi Pengajian Islam

s.k Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
Ketua Penolong Pendaftar IPSP
Dr Ali Mohamad

/sry
Fail/penyerahan tajuk

(67)

UTUSAN MALAYSIA SABTU 12 OGOS, 2000



# Muzik tradisional

## ...harus dipertahankan

Oleh AZMAN ISMAIL

BENARKAH hiburan moden memberi kesan mendalam terhadap kedudukan muzik tradisional Melayu? Sejauh mana pula fenomena ini diberi perhatian?

Persoalan ini sering melanda masyarakat apabila memperkatakan tentang kedudukan seni muzik tradisional Melayu. Ini kerana beberapa alat permainan tradisional sama sekali tidak lagi dikenali oleh generasi kini.

Muzik Melayu khasnya yang terdiri dari tiga elemen iaitu muzik tradisional, muzik asli dan muzik popular terkena imbasan yang paling ketara.

Hal ini menyebabkan generasi kini tidak lagi mengenali cak lempong, wayang kulit, rodat, gamelan, barongan-kuda kepang, gabang dan sebagainya.

Malah, muzik asli seperti inang, joget serta zapin menjadi terlalu asing dan begitu bertentangan dengan nilai-nilai muzik moden yang menjadi idola mereka.

Lebih malang, instrumen serta muzik ini hanya sekadar menjadi 'pembuka bicara' di majlis tertentu tanpa mempunyai khalayak yang besar.

Pensyarah Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Mohd. Ghouse Nasuruddin melihat fenomena ini memberi impak besar terhadap kedudukan muzik tradisional serta instrumennya.

Menurutnya, muzik tradisional dan asli hanya sekadar mengisi majlis tertentu tanpa ada perhatian yang sewajarnya dari pelbagai pihak.

"Pendek kata, alat-alat muzik tradisional, terutamanya yang terdapat di Semenanjung akan hilang kegunaan dan kepentingan kerana cita rasa masyarakat telah berubah lebih gemar kepada muzik Barat dan Hindustan," tambahnya.

Di sisi lain, Dr. Ghouse juga melihat upacara yang menggunakan peralatan ini tidak lagi penting dan banyak yang telah lenyap. Lebih malang, pembuat dan pemainnya juga tidak mempunyai pelapis.

Ketiadaan pelapis ini menjadi masalah yang paling pokok hingga tiada generasi yang akan mewarisi kemahiran, kebolehan dan kegigihan para pembuat dan pemain alat-alat muzik ini.

"Apakah masyarakat Melayu tidak lagi bangga dengan warisan sendiri sehingga sanggup membiarkannya lenyap. Mengapa sikap ini wujud?

"Mungkin infrastruktur budaya untuk menampung kesenian ini ditelan zaman akibat kemajuan teknologi dan sistem pendidikan Barat," ujarnya.

Sementara itu, infrastruktur informal di luar bandar yang dahulunya menjadi landasan perkembangan muzik tradisional juga telah terhakis akibat perubahan hidup masyarakat kampung dari pertanian kepada industri.

Menurutnya, kerajaan menerusi pelbagai badannya harus mengambil langkah sewajarnya untuk memberi peluang kepada muzik tradisional kembali ke pesadanya.

"Di sebalik kemajuan teknologi, muzik dan kesenian tradisional tidak harus dipinggirkan sama sekali kerana ia adalah warisan dan identiti bangsa," tegasnya.

# Muzik tradisional wajar dipulihara dan didokumentasikan

MEMPERKATAKAN tentang perkembangan muzik tradisional Melayu, khalayak pastinya akan 'diheret' kepada suatu perbincangan yang luas, merangkumi pelbagai aspek tertentu.

Ini kerana instrumen, nada dan bunyinya berilhamkan kepada alam semula jadi, fauna dan sebagainya. Secara langsung, masyarakat tradisional mengeksploitasi bahan-bahan yang ada di sekitarnya untuk menghasilkan peralatan tersebut.

Namun, perkembangan teknologi pembuatan serta pemikiran masyarakat, peralatan muzik tradisional tersebut mengalami proses perubahan secara evolusi ke satu tahap yang lebih kompleks dan kompetitif.

Secara langsung, perkembangan muzik tradisional ini menjadi sebahagian daripada masyarakat, proses pemikiran mereka, proses perjalanan budaya, penonjolan nilai spiritual, komunikasi sosial dan sebagainya.

Malangnya, perubahan masa telah menentukan kedudukan seni muzik ini. Ia semakin dilupakan, malah sama sekali 'pupus' oleh perkembangan muzik moden dari Barat yang lebih mendapat tempat dalam masyarakat.

Kurator Etnologi, Jabatan Muzium dan Antikuiti Muzium Negara, Kamarul Baharin A. Kasim melihat salah satu usaha untuk mengatasi fenomena ini ialah pelaksanaan projek dokumentasi serta pemuliharaan.

Menurutnya di Seminar Alat Muzik Tradisional di Kompleks Budaya Kraf, Kuala Lumpur baru-baru ini, pendokumentasian menjurus kepada usaha mengumpul rekod dan dokumen serta merakam dan menyelidik maklumat tentang kesenian dan muzik tradisional.

"Aspek pemuliharaan merangkumi kerja-kerja bagi tujuan menggerak, memperkembang, menyuntik angin baru dan memastikan kesinambungan supaya genre ini berkekalan dalam satu tempoh tertentu.

"Usaha-usaha pendokumentasian ini merupakan satu usaha yang amat wajar yang pastinya menuntut kepada komitmen yang berterusan, di samping memerlukan penghuraian dan pengendalian yang tersendiri," katanya.

Tambahnya, tumpuan pendokumentasian dan pemuliharaan seharusnya dilakukan terhadap beberapa muzik dan perlatan tradisional yang terancam 'pupus' dan kehilangan khalayaknya.

Antara lain kaedah yang boleh diguna pakai ialah melalui pengumpulan artifak termasuk bahan dan peralatannya daripada tokoh-tokoh penggiatnya. Ia kemudiannya harus dirawat dengan kaedah kimia dan sebagainya.

"Selain faktor untuk mengelakkan kepupusan dan hilangnya minat pada generasi mendatang, proses pendokumentasian dan pemuliharaan ini ialah untuk melihat ketepatan fakta serta sejarah latar belakangnya.

"Di samping itu, ia juga merangkumi orientasi nilai dan proses sosialisasi masyarakat negara ini dalam membentuk nilai estetik terhadap muzik serta melihat fenomena perubahan masyarakat dan kebudayaan negara ini," tambah Kamarul Baharin.

Tetapi dalam usaha ini, Kamarul melihat proses pendokumentasian dan pemuliharaan mengalami hambatan tersendiri. Antaranya, kepupusan ahli yang benar-benar mahir tentang muzik, kekurangan pakar dan sebagainya.

"Sehubungan itu, perlu peranan semua pihak untuk mengembeling tenaga bagi sama-sama memastikan kesinambungan alat muzik tradisional ini terus hidup. Ini kerana segala apa yang berlaku berupaya menerangkan pelbagai aspek hubungan serta kaitannya dalam aktiviti sosial sesuatu masyarakat. Alat muzik satu daripada elemen tersebut," ujarnya.

# ISLAM TIDAK LARANG MUZIK

Oleh Idris Musa

TANPA mengira identiti bangsa dan warna kulit, Islam menggambarkan satu cara hidup yang paling ideal. Kelahirannya bukan untuk mengekang tetapi memajukan umat selari dengan norma kesejagatan.

Dalam apa jua disiplin kehidupan, umat Islam tidak sekali-kali dihalang daripada menceburinya tanpa sebarang sebab yang boleh diterima akal waras.

Ini termasuklah seni lagu yang menjadi isu kontroversi sejak berabad lamanya dan sering menjadi polemik ahli fiqah yang membahasnya dari segi hukum halal haram, walaupun pada asasnya ia harus.

Dari sudut agama, seni menyumbang kepada memperkukuhkan akidah, menimbul dan menyuburkan keyakinan kepada agama serta mendorong kepada ketakwaan dan kebaikan.

Sememangnya seni mempunyai pengaruh yang kuat dan mempesonakan jiwa manusia. Bentuknya yang asli dan murni menjadikan seni adalah tuntutan fitrah manusia.

Dalam konteks itu, seni yang sejati adalah teman kepada citarasa sempurna yang dianugerahkan Ilahi kepada hamba-Nya untuk menyingkap manifestasi hakiki kehidupan manusia.

Dengan perkataan lain, Islam sentiasa berdamai dengan seni dan bermesra dengannya selagi tidak dicemari dengan daki peganis, polytheis (syirik) dan pornografis (lucah).

Jelasnya, Islam hanya me- barang bentuk, aliran dan aktiviti kesenian yang terpesong daripada prinsip agama dan akhlak rabbaniah.

Pendek kata, seni yang murni dan direktif boleh digunakan sebagai media dakwah yang berkesan. Persembahan seni yang bermotifkan dakwah pasti dapat menambat generasi muda-mudi yang selalunya liat untuk ke majlis keagamaan.

Bait ayat al-Quran dan hadis adalah sajian seni yang begitu indah, membuatkan hati manusia cepat tertawan dan terpesona. Justeru, kita lihat hari ini berduyun makhluk Allah menganut Islam.

Senario itu dapat disaksikan melalui dua potongan

menangan, kamu lihat manusia berduyun memeluk agama Allah".

Di sini, kita lihat objektif keagamaan dan kesenian adalah selari. Unsur harmonis dalam seni dengan pembawaan maksud tersendiri menimbulkan keberkesanan dalam jiwa manusia.

Dengan itu, mereka bukan hanya menerima ajaran itu, malah akan menghargai dan mencintainya. Bagi kita masyarakat kebanyakan tidaklah mudah mencari punca timbulnya persoalan itu memandangkan tidak ada satu perkataan pun di dalam al-Quran yang menunjukkan larangan secara langsung terhadap lagu dan muzik



SOPAN...irama nasyid banyak mengandungi lirik yang menyeru kepada keteguhan iman dan takwa.

Nyanyian dibolehkan jika tidak mengandungi ungkapan dan lirik yang bercanggah dengan batas Islam Gerak geri penyanyi pula tidak membangkitkan nafsu dan menimbulkan fitnah dengan gaya memberahikan

jang lebar hujah kedua-dua pihak yang mengharam dan membolehkan nyanyian, tarian dan bermain alat muzik sejak zaman sahabat hingga ulama Mujtahidin dan pengikut mereka yang terdiri daripada pelbagai mazhab.

Beliau berkata, Allah memberikan manusia akal dan deria. Setiap deria ingin menikmati sesuatu menurut nalurinya. Umpamanya penglihatan ingin menikmati sesuatu yang cantik, manakala pendengaran pula ingin kepada suara merdu dan berirama.

Katanya, tidak munasabah semua jenis nyanyian dan muzik dilarang Allah, padahal Allah menjadikan

nya, ia perlu dikawal dan disalurkan ke jalan yang baik dan membina.

Syeikh Abd Ghani al-Nablusi, seorang ahli fiqh abad ke-11 Hijrah menyatakan dalam bukunya *Idah al-Dalalat Fi Sima al-Alat*, bahawa hadis yang dijadikan alasan mengenai pengharaman perkara itu, jika diandaikan sebagai hadis sahih sebenarnya ia masih terikat dengan perkara al-Malahi (perkara yang melalaikan), arak, kefasikan dan pencabulan.

Berdasarkan keadaan ini, maka hukum mendengar nyanyian dan muzik pada pandangan beliau adalah haram jika disertai dengan

*Halal wa al-Haram fi al-Islam*, menetapkan beberapa syarat terhadap seni lagu supaya ianya harus dan dapa diterima dalam Islam.

Syaratnya nyanyian tidal mengandungi ungkapan dai lirik yang bercanggah dengai tata susila dan batas kesopan an Islam. Selain itu, geral geri penyanyi pula tidal membangkitkan nafsu dai menimbulkan fitnah dengai gaya memberahikan.

Seterusnya, acara terbabi tidak pula keterlaluan hing ga melalaikan orang rama daripada melaksanakan pe rintah Allah dan tidak diser tai perkara haram seperti mi numan keras serta pergaul

# Alat muzik tradisional kekalkan keaslian

Oleh ROSLI MANAH



S. ATAN

KENYATAAN Prof. Diraja Ungku Aziz yang mahu keaslian muzik tradisional terus dikekalkan mendapat reaksi berbeza daripada dua generasi penggiat seni tempatan.

Penggiat muzik tradisional yang telah lama memperjuangkannya menyokong penuh ke arah langkah itu, manakala bagi generasi muda pula berpandangan sebaliknya.

Kepada generasi muda, percantuman irama tradisional dengan muzik moden adalah satu keperluan dalam usaha menarik minat generasi kini.

Ungku Aziz pada *Simposium Arah Muzik Melayu Di Alaf Baru*, Sabtu lalu, berkata, percantuman muzik tradisional dan moden memusnahkan ciri asal muzik tersebut.

Beliau berpendapat, muzik tradisional seharusnya dipelihara sebagaimana keadaan asalnya termasuk penggunaan alat-alat muzik tradisi.

Penyanyi ghazal terkenal **S.A. Aishah** berkata, melalui pengekalan penggunaan alat muzik tradisional, tentunya keaslian muzik genre itu akan tetap terpelihara.

Adunan muzik moden akan kedengaran seperti 'cacat' apabila lagu-lagu tradisonal khususnya ghazal dilagukan sebegitu, katanya.

"Kami pernah mempersembahkan lagu-lagu daripada nyanyian Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris dengan alat muzik tradisional dan muziknya kedengaran baik," katanya ketika dihubungi di kediamannya di Johor.

### Tradisional

Sehingga kini, tambahnya, kumpulan ghazalnya masih menyanyikan lagu-lagu tradisional dengan cara tersendiri.

"Apabila kita mempersembahkan alat muzik tradisional, bunyi yang didengar masih sama sebagaimana persembahan ketika awalnya diperkenalkan dulu," katanya merujuk lagu-lagu dendangan kedua-dua penyanyi itu.

Namun, beliau mengakui percantuman elemen muzik elektrik menarik perhatian generasi muda kerana mereka didedahkan kepada pelbagai jenis muzik sebelum ini.

Identiti lagu- ·gu tradisional Melayu akan lebih terpelihara apabila ia dihasilkan dengan menggunakan alat muzik tradisional.

Beliau juga melihat banyak negara-negara lain yang masih kekal muzik tradisional mereka.

"Sekiranya negara luar boleh menyimpan khazanah lagu mereka tanpa diserapkan elemen muzik lain, mengapa kita tidak boleh mengekalkannya," kata S.A Aisyah.

Pemilik Rose Tebrau Ghazal, Sheikh Abdullah Omar Banafex juga bersependapat dengan Ungku Aziz.

Namun, kata Sheikh Omar, kumpulannya juga sering bertanya kepada pihak yang mengundang ke sesuatu majlis, sama ada mereka ingin mendengar ghazal asli ataupun kontemporari.

"Kami juga mainkan lagu langgam yang dicampuradukkan muziknya sekiranya itu kehendak penganjur," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, pelancong yang ingin mendengar lagu dan muzik ghazal, mereka mempersembahkannya dalam bentuk persembahan asli.

"Kita persembahkan lagu-lagu ghazal asli yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri," katanya lagi.

Pencipta lagu dan penerbit album lagu-lagu pop tradisional, **S. Atan** pula berpendapat, mengekalkan konsep lama membuatkan lagu tradisional tidak akan diterima oleh generasi muda.

"Sekiranya dihasilkan dalam bentuk lama, ia hanya akan menarik minat orang lama dan muziknya tidak akan berkembang," katanya lagi.

S. Atan menolak tanggapan elemen muzik moden boleh mencacatkan sesebuah lagu asli.

"Ia bukanlah mencacatkan muzik asli kerana irama dan lagunya masih kekal sebagaimana lagu asli. Perubahannya hanya penggunaan peralatan moden sahaja," kata S. Atan.

Kini, ternyata, lagu-lagu sedemikian telah mendapat tempat di kalangan golongan muda hasil usaha komposer yang menerapkan unsur muzik moden.

"Sebagai komposer, tentunya kami menghasilkan apa yang peminat mahukan," katanya lagi.

Dia berpendapat, usaha memelihara muzik tradisional Melayu bukanlah khusus dibebankan ke bahu komposer yang menjadikannya sebagai perniagaan.

S. Atan sebaliknya berkata, usaha untuk mengekalkan khazanah muzik dan alat muzik lama seharusnya disokong juga oleh pihak kerajaan.

"K...

# GETARAN

KU SEMAN KU HUSSAIN

# Akar tradisi dan evolusi muzik

SEMASA M. Nasir mencipta lagu *Keroncong Untuk Ana* lebih sepuluh tahun lalu, tidak banyak yang perasan bahawa itu adalah satu proses evolusi bagi irama keroncong. Ketika *Keroncong Untuk Ana* menjadi siulan, lagu keroncong asli berada di jurang yang jauh dengan generasi muda.

Lagu-lagu keroncong seperti *Keroncong Kemayuran*, *Selamat Tinggal Bungaku* atau *Bengawan Solo* menjadi begitu antik daripada sudut pendengaran dan penghayatan. Ia kelihatan lapuk di telinga anak-anak muda. Tetapi pada masa yang sama mereka menyanyi-nyanyi *Keroncong Untuk Ana*.

Biarpun keroncong berasal dari Indonesia, *Keroncong Untuk Ana* bagaikan menyambung akar tradisi muzik Melayu dengan elemen muzik semasa yang masuk ke negara ini.

Evolusi muzik sebenarnya adalah proses biasa yang berlaku kepada karya kreatif yang lain. Ia sedikit sebanyak akan mengubah struktur asal kepada yang lebih kontemporari. Tetapi pasti tetap berpegang pada akar tradisi kalau pencipta tahu apa yang dilakukannya.

Antara pencipta lagu semasa, M. Nasir kelihatan realistik dengan proses evolusi yang berlaku dalam seni muzik. Dia mengekalkan muzik Melayu dengan membenarkan elemen-elemen baru dalam penciptaannya.

Kerana itu tidak hairanlah kalau *Inang Pulau Kencana* atau *Ada* (lagu joget) menjadi berbeza sekali penghayatannya dengan lagu-lagu joget atau inang asli.

Kemelayuan pada muzik-muzik seperti ini tetap terasa sekalipun bentuk gubahan yang berbeza.

Mengekalkan irama Melayu dalam bentuk yang asli dan memberi gubahan baru terhadap irama asli memang diperlukan dalam memperkayakan khazanah muzik tempatan. Kedua-duanya perlu sebagai kelangsungan satu budaya muzik yang berakar umbi dari budaya Melayu.

Disebabkan muzik sentiasa terdedah dengan pengaruh luar, kelahiran lagu-lagu seperti *Keroncong Untuk Ana* sama pentingnya dengan memelihara skor asal lagu sesebuah lagu keroncong.

## Pengaruh

Malah yang dikatakan muzik Melayu sekarang ini adalah suatu yang lahir daripada evolusi muzik yang bertunas dan bercambah sejak lama dulu. Faktor penjajahan ketenteraan, kedatangan pedagang asing dan kini penjajahan media menjadikan muzik menerima pengaruh dari luar.

Penjajahan ketenteraan oleh Portugis pada abad ke-16 membawa irama joget, kedatangan pedagang Arab di zaman kegemilangan Melaka membawa irama ghazal dan pedagang dari China membawa dondang sayang.

Muzik ini telah diterima sebagai sebahagian daripada muzik Melayu. Tetapi sebagai karya yang sentiasa mempengaruh dan dipengaruh, proses evolusi tidak pernah berhenti sampai bila-bila.

Selalunya evolusi dalam muzik berlaku secara semula jadi. Sama seperti yang berlaku terhadap budaya sesebuah masyarakat yang hanya disedari berubah apabila ia dilihat secara retropektif.

Apabila lagu tradisional Melayu diberi pendekatan yang lebih kontemporari, ini bukanlah suatu yang perlu digeruni. Selagi ada kesedaran dan melakukan dengan penuh tanggungjawab, ia pasti tidak putus dari akar budaya asalnya.

Kerana itu aktivis dikir barat misalnya perlu realistik dengan kehadiran lagu-lagu seperti *Dikir Puteri* oleh Suhaimi Mohd. Zain atau *Dikir Rambung* oleh kumpulan Kapilla.

Selain mempertahankan lagu tradisional Melayu dalam bentuk asal, lagu-lagu baru yang bertolak daripada irama tradisional juga wajar diberi tempat.

Cuma yang kelihatan sedikit bermasalah ialah kita ketandusan pencipta lagu yang mampu 'menghidu' muzik tradisional dan dikemukakan dalam bentuk baru. Kebanyakan pencipta hanya memilih muzik yang langsung tidak berteraskan muzik Melayu.

Apakah ini kerana muzik yang berteraskan Melayu tidak ada nilai atau sememangnya kalangan kita yang tidak mahu memberi nilai kepada muzik itu?

Perkembangan muzik wajar bermula dari sejarahnya. Kalau tidak putus pegangan sejarah, muzik kontemporari pasti berpaut kepada nilai-nilai yang memperlihatkan jati diri bangsa dan budaya.

Malah yang paling mendukacitakan semangat kemalaysiaan jarang sekali dimanifestasikan dalam penciptaan muzik.